

04/11/1998

Pemerhati hanya berniat beri tekanan

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan motif sebenar pertubuhan dan individu asing yang menghantar pemerhati untuk mengikuti perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, bermula semalam.

Menurut Perdana Menteri, apa yang jelas ialah `pemerhati' berkenaan bukan datang untuk menyaksikan perbicaraan itu, sebaliknya mahu memberi tekanan terhadap mahkamah dan hakim yang membicarakannya.

"Saya bersetuju dengan hakim (Datuk S Augustine Paul), bahawa mereka (pemerhati) tidak seharusnya datang ke sini memerhatikan hakim, seolah-olah mereka terlalu bagus memperkatakan soal keadilan sehingga tahu cara keadilan dilaksanakan.

"Apakah mereka harus memerhatikan hakim kita sama ada tahu cara mentadbirkan keadilan atau tidak," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis penyerahan komponen oleh Airod Sdn Bhd kepada Shinmaywa Japan dan MacNab USA di sini, petang ini.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Presiden Airod, Tan Sri Ahmad Johan dan pegawai kanan angkatan tentera, industri aeroangkasa a serta kor diplomatik.

Semalam, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul menolak permohonan pertubuhan luar negara, individu dan Majlis Peguam Malaysia untuk menjadi pemerhati dalam perbicaraan kes Anwar.

Beliau mendapati mahkamah tidak memerlukan kehadiran pihak berkenaan kerana ia akan mengganggu dan campur tangan kuasa mahkamah yang diberikan oleh undang-undang.

Pertubuhan dan individu terbabit ialah Amnesty International, Law Asia, Human Rights Watch, Peguam Diraja, Cochrane dari Justice International London, Adnan Buyong Nasution (Biro Bantuan Guaman Jakarta) dan Datuk Param Cumaraswamy (Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Peguam dan Hakim).

Perdana Menteri turut mempersoalkan taraf keadilan di negara asing yang mengamalkan `perbicaraan' menerusi media massa sebelum perbicaraan sebenar dijalankan.

"Di negara mereka (pemerhati) sendiri, anda boleh lihat pentadbiran keadilan boleh dipersoalkan. Seseorang itu boleh dibicara menerusi akhbar, menerusi media dulu dan selepas itu baru menghadap mahkamah.

"Apabila dihadapkan (ke mahkamah), hakim dan juri tidak lagi mempunyai pandangan peribadi (mengenai kes terbabit)," katanya sambil menegaskan, individu dan pertubuhan terbabit boleh menyaksikan perbicaraan jika ada kekosongan.

"Tetapi tidak ada status khas sebagai pemerhati," kata Dr Mahathir.

Mengenai permintaan Cuepacs supaya kerajaan memberikan bayaran insentif kepada kakitangan awam untuk menggantikan bonus, Perdana Menteri berkata: "Saya akan berjumpa dengan mereka."

Menjawab soalan kemungkinan insentif diberikan, beliau berkata pertemuan itu perlu diadakan terlebih dulu sebelum sebarang keputusan diambil.

Ahad lalu, mesyuarat Kongres Cuepacs meluluskan usul memohon kerajaan memberikan bayaran insentif menggantikan bonus yang tidak diumumkan dalam Belanjawan 1999, pada 23 September lalu.

(END)